

## PENGISYTIHARAAN KEPENTINGAN

1. Untuk mengakses menu Paparan Mesyuarat, klik butang Menu Mesyuarat dan Urusetia - Pengurusan Ahli dan Mesyuarat



2. Urus setia mesyuarat akan dapat melihat senarai mesyuarat-mesyuarat yang diurus setiakan.

Urusetia - Carian dan Senarai Mesyuarat

Print Excel PDF

Bil	Kategori/Jenis Mesyuarat	Pemilik	Deklarasi	TOR	Tindakan
1	A01 - MESYUARAT UTAMA UNIVERSITI	J0200 - JABATAN PENDAFTAR			
	1. A0110 - MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PENTADBIRAN UNIVERSITI (JPPU)				
2	A02 - MESYUARAT PERINGKAT UNIVERSITI	J0200 - JABATAN PENDAFTAR			
	1. A02002 - MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM UTM				
3	J02 - JABATAN PENDAFTAR	J0200 - JABATAN PENDAFTAR			
	1. J020002 - MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN PENGURUSAN JABATAN PENDAFTAR (RMG)				
	2. J020501 - MESYUARAT PEGAWAI BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI				
	3. J020503 - MESYUARAT JK PELESTARIAN JABATAN PENDAFTAR				
	4. J020510 - MESYUARAT TASK FORCE 4 PEMBANGUNAN MYHR				

Show 10 
Showing 1 to 9 of 9 records
1

3. Klik pada *icon* Deklarasi bagi mesyuarat yang akan dibuat Pengisytiharan Kepentingan.

**Nota:** i. Pengisytiharan Kepentingan perlu dibuat sekali pada setiap tahun di dalam sistem bagi membolehkan ahli mengakses kandungan mesyuarat.

ii. Telah membuat Pengisytiharan Kepentingan

iii. Belum membuat Pengisytiharan Kepentingan

4. Borang Pengisytiharan Kepentingan akan dipaparkan oleh sistem

✕

### PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN PENGURUSAN JABATAN PENDAFTAR (RMG)

Sebagai Pengerusi dan ahli (termasuk setiausaha dan ahli turut hadir) MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN PENGURUSAN JABATAN PENDAFTAR (RMG), dengan ini kami membuat pengisytiharan seperti berikut :

- i. Bertanggungjawab untuk mengisytiharkan, apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan diri kami, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung di dalam apa jua perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat;
- ii. Tidak akan melibatkan diri di dalam apa-apa perkara, di mana kami mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung;
- iii. Mengutamakan dan menjaga tanggungjawab kerahsiaan mesyuarat dan tidak akan memberitahu atau membuat apa-apa kenyataan atau memaklumkan maklumat dari dalam mesyuarat ini kepada mana-mana pihak luar yang tidak berkaitan.
- iv. Tidak menyebarkan maklumat Rahsia Rasmi mesyuarat melalui penggunaan telefon bimbit dan alat-alat komunikasi lain seperti yang telah digariskan di dalam Prosedur Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi dalam Pengurusan Mesyuarat Universiti selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

**Perakuan oleh Urusetia**

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Pengisytiharan Kepentingan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] oleh pihak Berkuasa.

**NOTA:**

1. Pengisytiharan Kepentingan ini akan dibacakan **atau dibaca secara** bersama oleh Pengerusi kepada semua ahli mesyuarat, setiap kali permulaan mesyuarat, boleh dipaparkan melalui slaid/edaran kepada semua ahli mesyuarat (mana-mana yang bersesuaian).
2. Setiausaha perlu mencatatkan di Minit Mesyuarat bahawa Pengisytiharan Kepentingan ini telah dibaca oleh Pengerusi **atau dibaca secara** bersama dan difahami oleh semua ahli pada Minit Mesyuarat yang berkenaan.


Kembali Hantar



5. Sila baca Pengisytiharan Kepentingan dan klik butang Perakuan oleh Ahli dan klik butang Hantar untuk pengesahan.

**Perakuan oleh Urusetia**

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Pengisytiharan Kepentingan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] oleh pihak Berkuasa.

6. Notifikasi akan dipaparkan oleh sistem.



7. Butang deklarası akan bertukar daripada  kepada .
8. Selesai/Tamat.